

TERJEMAHAN KITAB FIQH AL-SIRAH AL-BOUTI: ANALISIS PEMILIHAN PERKATAAN DAN STRUKTUR AYAT

Saifulah bin Samsudin ¹
Khairatul Akmar bin Abdul Latif
Salman bin Zainal Abidin
Ahmad Redzaudin Ghazali

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Accepted date: 16 November 2017

Published date: 28 December 2017

To cite this document:

Samsudin, S., Abdul Latif, K. A., Zainal Abidin, S., & Ghazali, A. R. (2017). Terjemahan Kitab Fiqh Al-Sirah Al-Bouti: Analisis Pemilihan Perkataan dan Struktur Ayat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 183 - 195.

Abstrak: Salah satu disiplin ilmu pengajian Islam yang menjadi fokus para penterjemah Arab-Melayu ialah disiplin ilmu Sirah. Namun penterjemahan bukan satu proses yang mudah. Ia memerlukan penterjemah menguasai bidang yang ditumpukan serta menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran. Gaya bahasa penulis teks sumber juga turut mempengaruhi proses terjemahan. Justeru, kajian ini memfokus kepada aspek ketepatan terjemahan yang terdapat dalam kitab terjemahan Fiqh Sirah karangan Sheikh Muhammad Said Ramadan al-Boutiy oleh Ustaz Darus Sanawi. Objektif utama kajian ialah memperincikan metode terjemahan yang digunapakai oleh penterjemah dengan menekankan aspek pemilihan kosakata serta struktur ayat. Data kajian diambil dari buku terjemahan Fiqh al-Sirah hasil terjemahan Ustaz Darus Sanawi terbitan Dewan Pustaka Fajar 1983. Dapatan menunjukkan kedua-dua aspek tersebut dipengaruhi oleh pendekatan Terjemahan Langsung yang amat ketara.

Kata Kunci: Terjemahan Kitab Sirah, Pemilihan Perkataan, Struktur Ayat

TRANSLATION OF FIQH AL-SIRAH AL-BOUTI: ANALYSIS OF SELECTION OF WORDS AND SENTENCE STRUCTURES

Saifulah bin Samsudin ¹
Khairatul Akmar bin Abdul Latif
Salman bin Zainal Abidin
Ahmad Redzaudin Ghazali

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstract: *One of the disciplines of Islamic studies that became the focus of the Arabic-Malay translators is Sirah's discipline. However translation is not an easy process. It requires translators to master the field and master the source language and target language. The source style of the source text author also affects the translation process. Hence, this study focuses on the accuracy of the translation contained in the Fiqh Sirah translation of Sheikh Muhammad Said Ramadan al-Boutiy by Ustaz Darus Sanawi. The main objective of the study is to elaborate the translation method used by the translator by emphasizing the aspects of vocabulary and sentence structure. The research data was taken from Fiqh al-Sirah's translation book by Ustaz Darus Sanawi's translation of the Dewan Fajar Bakti 1983. Findings show that both aspects are influenced by the highly visible Direct Translation approach.*

Keywords: *Translation, Sirah, Word Selection, Sentence Structure.*

Pengenalan

Penterjemahan adalah satu seni yang memerlukan bakat dan pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang, khususnya berkaitan bahasa asal dan bahasa sasar. Secara realitinya, penterjemahan adalah satu tugas yang tidak dihargai sebagaimana yang disebut oleh bidalan Inggeris 'a thankless job'. Ia memerlukan usaha yang besar bahkan lebih besar daripada usaha yang digunakan untuk penulisan sesebuah buku. Hal ini disebabkan penterjemah dibataskan oleh teks penulis serta ideanya. Ia tidak memiliki kebebasan mutlak sebagaimana penulis dalam memilih perkataan dan makna yang dirasakan sesuai (Ibrahim Zaki Khur Shid, 1985: 5). Penterjemahan juga berhadapan dengan banyak kesilapan disebabkan sama ada oleh keterbatasan pengetahuan atau kerana tidak berhati-hati. Terjemahan adalah satu bidang yang memerlukan pengetahuan yang luas. Tidak syak lagi keperluan kita pada masa kini kepada terjemahan adalah lebih mendesak berbanding keperluan kita kepada penulisan (Ibrahim Zaki Khur Shid, 1985: 5).

Gerakan penterjemahan kitab-kitab dari bahasa Arab ke bahasa Melayu bermula sejak kurun ke-15, khususnya apabila kerajaan Aceh mengambil alih peranan kota Melaka sebagai pusat penyebaran Islam dan tamadun Melayu di Nusantara (Abdullah Ishak, 1990). Sejarah turut menunjukkan bahawa kitab pertama yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu adalah pada kurun kelima belas Masihi ketika Sultan Alaudin Riayat Shah, sultan Melaka yang keenam,

memerintahkan salah seorang menterinya agar menterjemahkan salah satu kitab dari bumi Goa ke dalam bahasa Melayu (Abdullah Ishak, 1990).

Kegiatan ini selalunya dilakukan oleh para pengarang dari alam Melayu yang mendalami ilmu di negara Arab itu sendiri, terutama di Mekah al-Mukarramah (Rosni Wazir, 2010: 40). Para alim ulama yang menyebarkan ajaran Islam dan bahasa Arab melalui penterjemahan beberapa kitab utama berbahasa Arab ke bahasa Melayu telah muncul, antaranya Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Raniri, dan Abdul Rauf Fansuri. Teks-teks terjemahan yang menjadi fokus para penterjemah sebahagian besarnya melibatkan karya-karya terkenal dalam bidang fikah, akidah, tasawuf, tafsir al-Quran, dan ilmu al-Hadith. Antara kitab-kitab terawal yang diterjemah ialah kitab *al-'Aqa'id li al-Nasafiy*, *Hidayat al-Salikin*, *Bulugh al-Maram*, *Minhaj al-'Abidin* dan *Matla' al-Badrayn* (Majdi Ibrahim, 2009).

Berdasarkan realiti semasa, usaha penterjemahan kitab-kitab agama ini masih lagi merupakan satu aktiviti yang diberikan tumpuan oleh para penterjemah di Malaysia. Penambahan karya terjemahan berorientasikan bidang pengajian Islam di pasaran menjadi bukti hakikat ini.

Terjemahan Kitab Dalam Disiplin Ilmu Sirah

Terdapat beberapa kitab sirah nabawiyah kontemporari yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu antaranya kitab *al-Rahiq al-Makhtum* karangan Sheikh Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) serta kitab *al-Sirah al-Nabawiyah: Ibar wa Durus* (Sirah Nabi Muhammad S.A.W: Pengajaran dan Pedoman) karangan Dr. Mustafa Sibaie yang diterjemahkan oleh Pustaka Salam. Kitab Fiqh al-Sirah karangan Dr. Muhammad Said Ramadan al-Bouti pula diterjemahkan oleh Ustaz Darus Sanawi dan diterbitkan pertama kali pada tahun 1974. Penterjemah kitab *Fiqh Sirah* menyatakan bahawa objektif penterjemahan buku ini ialah kesedaran betapa pada waktu itu bilangan buku ilmiah berkaitan Islam adalah berkurangan. Kitab-kitab sirah terjemahan ini memberikan impak kepada dunia dakwah di Malaysia di mana ia menjadi rujukan masyarakat awam serta golongan pelajar dalam mendalami disiplin ilmu sirah.

Pemilihan Perkataan Dan Struktur Ayat Dalam Terjemahan

Tugas penting penterjemah ialah menyalin semula maklumat yang terkandung dalam teks asal ke dalam bahasa penerima. Ia dilakukan dengan penyesuaian semula pada tatabahasa dan perkataan oleh penterjemah. Implikasi dari prinsip ini ialah gaya penulis asalnya boleh diubah demi mengekalkan makna (Nida & Taber 1982: 12).

Tiga perkara perlu dielakkan, pertama perkataan atau unsur yang mungkin tidak difahami oleh pembaca. Kedua, perkataan atau bentuk nahu yang terlalu sukar sehingga tidak menggalakkan pembaca cuba memahami kandungan terjemahan itu. Ketiga, gaya yang terlalu berat sehingga tidak difahami oleh pembaca (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012, hlm: 21)

Menurut Mohd Mokhtar Ahmad (1987) terdapat lima kesalahan yang menonjol dalam penterjemahan iaitu salah terjemah, terjemahan yang kurang, terjemahan yang melampau, terjemahan taksa dan terjemahan membazir. Keperluan kesalahan ini diminimakan semasa menterjemah sesuatu teks adalah amat perlu.

Abdullah dan Ainon (2005:72) menghuraikan aspek ini dengan contoh: arahan *keep clear* yang ditulis di kawasan letak kereta tidak sepatutnya diterjemah sebagai *simpan kosong* tetapi terjemahan yang sebanding ialah *sila kosongkan*. Mohd Hilmi Abdullah turut menerangkan (Mohd Hilmi, 2008:8) contoh lain: رجوع محمد إلى مسقط رأسه perlu diterjemah sebagai *Muhammad telah pulang ke tempat asal kelahirannya*. Terjemahan yang tidak tepat jika diterjemahkan *Muhammad telah pulang ke tempat jatuh kepalanya* kerana lafaz مسقط رأسه dalam ayat tersebut bermaksud tempat lahir dan bukannya tempat jatuh kepalanya. Namun begitu penterjemah tidak boleh sewenang-wenangnya menambah perkataan-perkataan yang tiada kaitan dengan maklumat yang hendak disampaikan sehingga boleh mengubah makna asal yang dikehendaki oleh penulis.

Contoh ayat dalam bahasa Arab: اشترت أربعة رؤوس بقرات perlu diterjemahkan “saya membeli empat ekor lembu” dan bukannya dengan “saya membeli empat kepala lembu”. Dalam contoh ini terjemahan yang serupa bagi perkataan رؤوس ialah ‘kepala’, manakala terjemahan yang sama ialah ‘ekor’. Sekiranya penterjemah memilih terjemahan yang serupa pasti terjemahannya adalah silap kerana penjodoh bilangan bagi haiwan (lembu) dalam bahasa Melayu adalah ekor, oleh itu terjemahan yang baik mengambil kira persamaan bukannya keserupaan (Mohd Hilmi, 2008:9).

Prinsip ini menggunakan ciri-ciri yang terdapat pada bahasa Melayu dalam terjemahan yang dilakukan, tanpa mengambil bentuk-bentuk tatabahasa bahasa sumber ataupun ungkapan bahasa sumber yang asing baginya. Dengan kata lain terjemahan yang baik adalah terjemahan yang tidak berbau terjemahan langsung apabila dibaca, malah ia seolah-olah sebuah karya asli yang ditulis oleh seorang pengarang tempatan dan bersifat baharu dihasilkan, melalui prinsip persamaan yang bersahaja terjemahan yang dilakukan perlu mengikut ciri-ciri asli yang terdapat pada bahasa sasaran (bahasa Melayu) tanpa sekali-kali memaksa bahasa Melayu mengambil bentuk-bentuk tatabahasa bahasa sumber (bahasa Arab) ataupun ungkapan bahasa Arab tersebut.

Antara fenomena hasil daripada prinsip terjemahan ini ialah, teks-teks klasik dalam bahasa Arab tidak boleh diterjemahkan dengan menggunakan bahasa Melayu klasik akan tetapi ianya perlu diterjemahkan dengan menggunakan bahasa Melayu moden agar menampilkan seolah-olah teks tersebut baharu dihasilkan akan tetapi cara penterjemah melukiskan peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu bukannya melalui penukaran dengan peristiwa pada masa kini. Selain itu, prinsip terjemahan ini juga menjelaskan bahawa proses penterjemahan teks tidak boleh dilakukan dengan bersifat kebudayaan, sebaliknya hanya boleh bersifat sebagai terjemahan biasa. Peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu adalah kekal sebagai peristiwa lepas, cuma yang baharu adalah gaya bahasanya sahaja tanpa melibatkan aspek kebudayaan, disamping itu melalui prinsip terjemahan ini hasil terjemahan teks tidak boleh mengandungi unsur-unsur bahasa yang asing ataupun luar biasa bagi pembaca sesuatu zaman.

Gaya dan stail dalam keadaan tertentu perlu juga diambil perhatian. Apabila penterjemah membina semula ayat dalam bahasa sasaran, beliau perlu memastikan gaya yang diterap dalam penterjemahannya dapat membangkitkan reaksi yang serupa seolah membaca karya asal. Biasanya penterjemahan yang sebegini dilakukan terhadap teks-teks dalam bidang kesusasteraan. Kerja ini agar sukar dilakukan, ia memerlukan kepakaran dan kemahiran dalam kedua-dua bahasa serta penterjemah perlu mengamati dan menghayati teks asal dengan begitu mendalam, agar makna, gaya dan stail itu dapat dipindah bersama.

Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan teks. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan, dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh penyelidik (Sunawari Long, 2005: 85). Kandungan yang dianalisis ialah teks sirah nabawiyah yang terdapat dalam buku Fiqh Sirah karangan Dr. Muhammad Said Ramadan al-Bouti serta terjemahannya dalam bahasa Melayu oleh Ustaz Darus Sanawi. Beberapa kamus seperti Lisan al-Arab dirujuk untuk melihat maksud perkataan dalam teks sumber, manakala Kamus Dewan pula dirujuk untuk melihat pemilihan perkataan dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan dua pendekatan terjemahan iaitu Terjemahan Langsung serta Terjemahan tidak Langsung bagi menilai kedua-dua subjek kajian.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kesesuaian aspek berikut:

1. pemilihan perkataan dalam penterjemahan.
2. pembentukan struktur ayat yang digunakan oleh penterjemah dalam teks sasaran.

Terjemahan Literal (Langsung) Dan Terjemahan Bebas (Tidak Langsung)

Terjemahan literal merupakan istilah yang kontroversial dalam kalangan sarjana bidang terjemahan. Secara umumnya, terjemahan literal berlawanan dengan terjemahan bebas. Dari segi penerapannya, orang sering keliru dengan menamakannya terjemahan literal. Terjemahan literal dimaksudkan sebagai pendekatan yang setia pada teks sumber dengan menumpukan kepada salah satu struktur atau bentuk nahu bahasa teks asal sahaja. Terjemahan ini masih memelihara kemurnian nahu bahasa sumber tetapi pada masa yang sama menjaga kegramatisan nahu bahasa sasaran. Terjemahan ini berlaku apabila bentuk teks asal dikekalkan sedapat mungkin bentuk tersebut kelihatan tidak natural dalam bahasa sasaran bagi menunjukkan bahasa asal. Penterjemahan literal juga dikatakan penterjemahan kata demi kata seperti penterjemahan harfiah. Kadangkala pendekatan ini juga dikatakan menyerupai penterjemahan formal. Oleh sebab penterjemahan literal memfokuskan kepada bentuk bahasa, kadangkala makna juga hilang kerana makna bukan hanya lahir daripada bentuk semata-mata tetapi juga hubungan kata tersebut dengan kata-kata lain, frasa, penggunaan peribahasa; pengaruh penutur sasaran, budaya dan konteks sejarah. Kebiasaannya kata makna yang berbeza-beza dalam konteks yang pelbagai, tetapi penterjemahan literal tidak melihat unsur kepelbagaian ini (Puteri Roslina: 2012).

Menurut Catford (1965), pada peringkat awal menterjemahkan sesuatu teks, terjemahan literal akan menggunakan pendekatan harfiah tetapi pada akhir proses terjemahan, kesetiaan itu mula longgar dan penterjemah mula menterjemah secara klausa demi klausa serta frasa demi frasa dan perkataan demi perkataan. Sebenarnya terjemahan literal masih bersifat relatif dan telus kerana terjemahan pada hierarki nahu tertentu. Dari segi strategi penterjemahan, terjemahan literal dianggap jelas dan jujur khususnya dalam penterjemahan teks teknikal. Nida mengatakan bahawa terjemahan literal ini terjemahan formal. Vinay dan Darbelnet menamakannya terjemahan langsung. Terjemahan literal merupakan salah satu strategi dalam menterjemahkan karya puisi yang dilakukan oleh Lefevere kerana pendekatan ini masih mengekalkan bentuk dan struktur nahu bahasa sumber meskipun tidak semuanya. Kesetiaan pendekatan ini lebih kepada unsur nahu dan bukan unsur budaya (Puteri Roslina: 2012).

Pendekatan bebas merupakan pendekatan yang sinonim dengan aliran penterjemahan tidak langsung. Terjemahan bebas menumpukan kepada teks sasaran agar teksnya kelihatan bersahaja, sejadi dan memudahkan pembaca kedua. Perkataan dalam teks asal kurang diberikan perhatian. Kaedah ini juga dikenali sebagai *sense for sense translation* (terjemahan secara makna) serta berlawanan istilah terjemahan literal dan terjemahan harfiah (kata demi kata). Penterjemahan bebas ialah penterjemahan yang mengekalkan makna asal tetapi menggunakan bentuk natural bahasa sasaran termasuklah susunan kata dan sintaksisnya agar dapat difahami dengan mudah.

Secara linguistiknya, terjemahan bebas bermaksud pengadaptasian atau penyesuaian pada peringkat tertinggi dalam sistem nahu kedua-dua bahasa yang terlibat. Dengan kata lain, penterjemah hanya mengambil isi dan maklumat penting sahaja dalam teks sumber tetapi mengubah, mengadaptasi, membuang dan membetulkan segala bentuk dan struktur nahu teks asal.

Terjemahan bebas lebih berorientasikan teks sasaran berbanding terjemahan literal yang juga mementingkan teks sasaran tetapi dalam ruang lingkup yang cukup terbatas. Sebenarnya istilah terjemahan bebas dan terjemahan literal telah banyak dibincangkan oleh tokoh-tokoh terjemahan kerana kedua-dua istilah seolah-olah bertindan, dan berkait rapat meskipun sebenarnya ada perbezaan nyata antara kedua-duanya (Puteri Roslina: 2012). Kajian ini akan menggunakan kedua-dua pendekatan ini sebagai kayu ukur utama untuk menilai metod penterjemahan teks kajian.

Dapatan Kajian

Berikut dipaparkan beberapa contoh teks sumber daripada korpus kajian berkaitan skop kajian ini.

Contoh 1(hlm: 31)
(كانت طبائعهم أشبه ما تكون بالمادة (الخام) التي لم تنصهر بعد في أي بوتقة محوّلة، فكانت تتراى فيها الفطرة الإنسانية السليمة،)
Terjemahannya (hlm:27)
<i>“Tabiat semula jadi mereka ini tidak ubah seperti suatu bahan yang mentah yang belum pernah dilebur di mana-mana dapur dan dicorak di mana-mana acuan seolah-olah terbayang di layar penghidupan mereka seorang manusia”.</i>

Dalam contoh ini, fokus adalah kepada ayat لم تنصهر بعد في أي بوتقة محوّلة, di mana ayat ini diterjemahkan kepada “*belum pernah dilebur di mana-mana dapur*”. Penterjemah membuat satu penambahan ayat berbunyi “*dan dicorak di mana-mana acuan*” secara harfiahnya terjemahan yang kedua ini tidak terdapat dalam teks sumber. Teks sasar dihasilkan dengan pendekatan terjemahan tidak langsung. Penambahan frasa ini adalah tidak perlu kerana terjemahan bagi frasa teks sumber sudah memenuhi maksud yang dikehendaki.

Contoh 2 (hlm:33)
إذ ربّ مرتاب مبطل يزعم أنّها سلسلة التجارب الحضارية والأفكار الفلسفية أبدعت أخيرا هذه الحضارة الفذة والتشريع المتكامل.
Terjemahannya (hlm:30):
<i>“Sebabnya ialah sangkaan buruk ini akan memberi suatu gambaran yang buruk iaitu dari satu siri tamaddun dan falsafah yang terakhir dalam bentuk tamaddun yang tulen serta kemas dengan perundangan yang lengkap”</i>

Penggunaan teknik terjemahan makna yang terlalu bebas dari teks sumber. Teks terjemahan tidak terikat dengan teks sumber. Beberapa perkataan seperti *إذ ربّ مرتاب مبطل* yang sepatutnya diterjemahkan sebagai “kemungkinan orang yang meragunya” telah diterjemahkan secara adaptasi “Sebabnya ialah sangkaan buruk ini akan memberi suatu gambaran yang buruk iaitu”. Hasil terjemahan ini jelas jauh daripada maksud sebenar teks sumber.

Penterjemahan perkataan *أخيرا* sebagai adjektif kepada kata nama tamadun juga tidak tepat. Dari aspek sintaksis perkataan *أخيرا* merupakan *zarf zaman* (kata nama menunjukkan masa) bagi kata kerja *أبدعت*. Lebih tepat jika diterjemahkan sebagai “akhirnya membentuk”.

Penterjemahan perkataan *الحضارة الفذة* dengan maksud “tamaddun yang tulen serta kemas” menunjukkan kata nama *فذة* yang bermaksud *شدة* (unik) (Ibn Manzur, 2003) diterjemahkan dengan dua kata adjektif ‘tulen dan kemas’. Penggunaan maksud asal perkataan *الفذة* iaitu ‘unik’ lebih bersesuaian dan menjadikan adjektif ini lebih menepati bagi kata nama ‘tamadun’. Ini menunjukkan pendekatan terjemahan ialah dengan menggunakan terjemahan tidak langsung kerana teks sasar adalah terlalu jauh dari makna yang dikehendaki oleh teks sumber. Terjemahan cadangan:

Di mana orang yang meragunya menyangka bahawa ajaran Nabi adalah rantaian kepada tinggalan tamadun lalu serta idea falsafah yang membentuk satu tamadun yang hebat serta syariat yang komprehensif

Contoh 3
(فما تسلل شيء من أدران الجاهلية إلى شيء من نسبه)
Terjemahannya (hlm: 55):
<i>“tidak pernah diresapkan sesuatu daripada kecemaran jahiliyyah kepada sesuatu daripada nasabnya”.</i>

Manakala ayat ini pula menunjukkan pendekatan terjemahan secara langsung yang begitu ketara. Struktur ayat teks sumber adalah dalam bentuk *jumlah fi’liyyah* (ayat yang bermula dengan kata kerja dan diikuti dengan *fa’el*-pembuat) *Jumlah fi’liyyah* tidak wujud dalam bahasa Melayu oleh itu *fa’el* dalam jumlah fi’liyyah perlu dijadikan subjek (*mubtada’*) apabila diterjemahkan dalam bahasa Melayu (Mohd Hilmi Abdullah. 2008). Dalam terjemahan ini struktur ayat teks sasar dipengaruhi oleh struktur ayat teks sumber. Perkataan

أدران (kecemaran) dalam posisi sebagai *fa'el* dalam ayat ini sepatutnya diletakkan sebagai subjek dalam teks sasar. Manakala kata kerja تسلل merupakan predikat yang melengkapkan struktur ayat tersebut. Terjemahan cadangan bagi ayat ini ialah seperti berikut:

“*Nasab keturunan Rasulullah s.a.w tidak pernah dipengaruhi oleh pencemaran jahiliah*” atau “*Kekotoran Jahiliah tidak pernah meresapi nasab keturunan Rasulullah S.A.W.*”

Contoh 4 (Hlm: 32)
إذ ذاك تدل على الاعتذار لهم أكثر من أن تدل على تسفيهم أو تعييرهم بها.
Terjemahannya(Hlm: 28):
“ <i>Penegasan ini lebih merupakan keuzuran dan kemaafan bagi mereka daripada penghinaan ke atas mereka</i> ”

Keseluruhan teks ini merupakan pandangan pengarang terhadap situasi masyarakat jahiliah yang disifatkan oleh Allah s.w.t sebagai dalam kesesatan. Menurut pengarang lafaz ضالين menerangkan sebab keadaan mereka sebegitu dan pengarang tidak menganggap perkataan ini bertujuan untuk menghina musyrikin Quraish.

Tumpuan analisis ialah kepada kata nama الاعتذار. Ia diterjemahkan dengan maksud keuzuran. Dalam bahasa Melayu perkataan keuzuran bermaksud “perihal uzur” (Kamus Dewan, 2015, hlm: 1786). Perkataan ini dari sudut makna kamus bermaksud: ‘Perbuatan mengemukakan hujah atau sebab untuk menafikan kesalahan’ (Mu’jam Arabi-Arabi). Terjemahan الاعتذار dengan maksud keuzuran tidak menepati maksud kamus yang sebenar ini menyebabkan terjemahan berbeza dari maksud asal teks sumber.

Terjemahan cadangan:

“*Keadaan ini lebih merupakan alasan buat mereka berbanding menjadi faktor kehinaan dan celaan ke atas mereka*”.

Contoh 5 (Hlm:37)
وتقديس حرماته، وفي مقدمة ذلك تعظيم البيت الحرام وتقديسه واحترام شعائره والذود عنه والقيام بخدمته وسدائته.
Terjemahannya (Hlm: 42)
“ <i>Mentaqdis dan menghormati semua yang disuruh menghormatinya yang utama sekali ialah menghormati dan mentaqdiskan baitul Haram, menghormati segala syiarnya, mempertahankannya, melaksanakan perkhidmatan terhadapnya, serta menabir (kelambukannya)</i> ”

Frasa وتقديس حرماته diterjemahkan dengan maksud ‘*mentaqdiskan*’. Terjemahan frasa ini dengan pendekatan terjemahan literal dan terikat dengan teks sumber. Teknik yang digunapakai ialah teknik peminjaman (*borrowing*) iaitu dengan memindahkan perkataan daripada bahasa sumber

ke bahasa sasar secara bunyi (Majdi Ibrahim, h: 79). Pendekatan ini menjadikan hasil terjemahan asing buat pembaca sasar. Begitu juga frasa والقيام بخدمته diterjemahkan dengan maksud: *Melaksanakan perkhidmatan* terjemahan yang janggal. Dicadangkan terjemahan berikut: “Memberikan khidmat untuk menjaganya”.

Penggunaan perkataan ‘menabir (kelambukannya)’ bagi kata nama السدانة juga menunjukkan penterjemahan yang janggal. Ibn manzur (2003) menyatakan bahawa السدانة ialah proses pengurusan segala perkara berkaitan kaabah seperti membuka dan menutup pintunya (سدانة الكعبة سيدانة الكعبة). Penterjemah menjadikan kata nama ‘tabir’ dan ‘kelambu’ dalam bentuk kata kerja. Struktur ini adalah bentuk penggunaan yang janggal dan menimbulkan kekeliruan kepada pembaca dalam teks sasar.

Contoh 6 (Hlm: 39)
والخلاصة أن نشأة التاريخ العربي إنما تمت في كنف الحنيفية السمحة
Terjemahannya (Hlm: 45):
<i>“Ringkasnya perkembangan sejarah ‘arab dari mula hingga akhirnya adalah dalam pangkuan agama Hanif yang lapang dan muda...”</i>

Penterjemah mendatangkan terjemahan kata sifat السمحة dengan dua kata sifat yang berbeza maksudnya: *‘lapang dan muda’*. Kata Ibn Manzur (2003): وقولهم : الحنيفية السمحة ; ليس فيها ضيق ولا شدة. orang Arab berkata: الحنيفية السمحة dengan maksud ia (agama hanif) tidak bersifat sempit dan keras. Boleh difahami bahawa agama ini bersifat mudah dan lapang. Pendekatan terjemahan dilihat agak jauh dari maksud teks sumber khususnya dengan penambahan adjektif ‘muda’ dalam teks sasar.

Terjemahan cadangan: *“Ringkasnya, perkembangan sejarah bangsa Arab berlaku dalam pangkuan agama Hanif yang mudah dan lapang...”*

Dalam ayat ini turut berlaku penambahan perkataan dan makna yang tidak terdapat dalam teks sumber. Frasa *“dari mula hingga akhirnya”* merupakan frasa tambahan yang diletakkan dan tidak terdapat dalam teks sumber.

Contoh 7 (Hlm: 41)
إنما هو العرض المجرد لهذا التصور وبسطه في عبارات ممطوطة مكررة ليس إلا...
Terjemahannya (Hlm: 50):
<i>“Yang mereka kemukakan hanya beberapa ibarat yang meleret-leret dan berulang-ulang...”</i>

Terjemahan perkataan عبارات dengan pendekatan terjemahan langsung dan terikat dengan teks sumber. Teknik terjemahan Langsung yang digunapakai ialah teknik meminjaman (*borrowing*) iaitu dengan memindahkan perkataan daripada bahasa sumber ke bahasa sasar secara bunyi (Majdi Ibrahim, hlm: 79). Namun perkataan ‘ibarat’ dalam bahasa Melayu membawa maksud yang berbeza iaitu: umpama, seperti, misal, contoh yang baik, cerita (Kamus Dewan, 2015, hlm: 556). Ibn Manzur (2003) menyatakan bahawa perkataan عبارة ialah kata nama (masdar)

bagi kata kerja *أعرب عن* (menyatakan). Oleh itu dapat difahami bahawa perkataan *عبارات* bermaksud sejumlah ayat atau pernyataan. Dicadangkan terjemahan bagi teks di atas adalah seperti berikut: “*Yang mereka kemukakan hanya beberapa pernyataan yang meleret-leret dan berulang-ulang...*”

Contoh 8 (hlm: 46)
<i>وحتى لا يتأثر بما حوله من معنى الصدارة والزعامة،</i>
Terjemahannya (hlm: 59):
<i>“oleh itu segala-galanya tidak mendorongkan baginda ke arah kepenganjuran”.</i>

Tumpuan pada kedua-dua teks di atas ialah pada terjemahan perkataan *الزعامة* dan *الصدارة*. Mu’jam al-Wasit (2004) menyatakan bahawa perkataan *الصدارة* bermaksud ‘kepimpinan’ (*الصِّدَارَةُ*: (*والزعامة*: *السيادة والرياسة*) Ibn Manzur (2003) menyatakan bahawa kata nama (*التَّقْدُم*. يقال: فلان له الصِّدَارَةُ فِي الْقَوْمِ *والزعامة* bermaksud ketuanan dan kepemimpinan. Dapat disimpulkan kedua-dua perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama.

Dalam teks sasar kedua-dua perkataan tersebut diterjemah kepada satu perkataan sahaja iaitu ‘kepenganjuran’. Penggabungan ini kelihatan tidak menghilangkan sebarang makna daripada teks sumber. Kamus Dewan (2015) menyatakan antara maksud perkataan penganjur ialah orang yang mendahului sesuatu atau orang yang menganjuri sesuatu usaha (pemimpin, pemula dsb). Namun dapat diperhatikan penggunaan terjemahan ini adalah janggal dan asing, menyebabkan pembaca memerlukan penafsiran terhadap perkataan ini. Penggunaan perkataan ‘kepimpinan’ dilihat lebih menepati maksud teks sumber serta lebih difahami oleh pembaca teks sasar.

Contoh 9 (Hlm: 48)
<i>« كنت أرعى الغنم على قراريط لأهل مكة»</i>
Terjemahannya (hlm: 64):
<i>“dahulu pernah aku menternak kambing penduduk Makkah dengan upahnya beberapa karat sahaja”)</i>

Qirat dari segi bahasa menurut Ibn Manzur (2002, j: 12, : 73) ialah ukuran timbangan yang dimaklumi, iaitu menyamai satu *دائق* (satu perdua belas dirham). Terjemahan perkataan ini dengan pendekatan terjemahan literal dan terikat dengan teks sumber. Teknik yang digunakan ialah teknik peminjaman (*borrowing*) iaitu dengan memindahkan perkataan daripada bahasa sumber ke bahasa sasar secara bunyi (Majdi Ibrahim, hlm: 79). Pengekalan perkataan ini dengan teknik peminjaman dalam bahasa sasar dilihat ada keperluannya memandangkan ia merupakan ukuran timbangan yang digunakan pada waktu itu, pengekalan lafaz secara peminjaman dapat memberikan maklumat tambahan kepada pembaca sasar dari aspek elemen budaya semasa teks diujarkan. Namun dicadangkan agar sedikit huraian diberikan bagi mengelakkan kekeliruan pembaca teks sasar.

Contoh 10 (Hlm: 50)
<p>أن الله عز وجل قد عصمه مع ذلك عن جميع مظاهر الانحراف وعن كل ما لا يتفق مع مقتضيات الدعوة التي هيأه الله لها</p>
Terjemahannya (hlm: 69):
<p><i>“Allah Subhanahu wata’ala telah memelihara dan mema’sumkannya dari melakukan kekejian dan sesuatu yang tidak sepatutnya oleh seorang pendakwah”</i></p>

Dalam contoh di atas, tumpuan kajian ialah terjemahan kepada kata kerja *عصم*. Perkataan ini bermaksud *المنع* (Membela) atau *الحفظ* (menjaga) (al-Razi, 1999, hlm: 221) Ia diterjemahkan dengan dua kata kerja iaitu ‘memelihara dan memaksumkannya’. Terjemahan kedua menggunakan pendekatan terjemahan Langsung dan terikat dengan teks sumber. Teknik yang digunakan ialah teknik peminjaman (*borrowing*) iaitu dengan memindahkan perkataan daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran secara bunyi (Majdi Ibrahim, hlm: 79). Kata nama ‘maksum’ bermaksud terpelihara atau bebas daripada dosa, tidak tercela, tidak berdosa (Kamus Dewan 2015, hlm: 985). Terjemahan yang pertama (memelihara) telah memenuhi kehendak perkataan *عصم* oleh itu tidak perlu penggunaan teknik peminjaman untuk menghuraikan lagi perkataan tersebut.

Contoh 11 (hlm: 70)
<p>وقد صار الثبوت هنا مفسدة محضة، ليس في طيها مصلحة</p>
Terjemahannya (hlm: 104):
<p><i>“Maka sudah tentu di situ kerosakan semata-mata, ia tidak mengandungi sebarang muslihat atau polosi langsung”</i></p>

Dalam contoh ini, perkataan *مصلحة* diterjemahkan dengan dua makna yang berbeza iaitu ‘muslihat’ dan ‘polosi’. Ciri terjemahan langsung turut ketara dalam contoh di atas. Kata nama *مصلحة* diterjemah secara teknik peminjaman (*borrowing*) iaitu dengan memindahkan perkataan *مصلحة* daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran secara bunyi. Namun terjemahan tambahan bagi menghuraikan kata nama *مصلحة* dengan perkataan ‘polosi’ menimbulkan kesamaran.

Kedua-dua perkataan ini (muslihat dan polosi) tidak terdapat dalam Kamus Dewan. Perkataan *مصلحة* dihuraikan oleh Ibn Manzur (2003) dengan maksud *الصلحة : الصلاح* : perkataan *الصلحة* bermaksud kebaikan. Penggunaan padanan maksudnya di dalam bahasa Melayu adalah lebih bersesuaian. Cadangan terjemahan adalah seperti berikut:

“Maka sudah tentu di situ kerosakan semata-mata, ia tidak mengandungi sebarang kebaikan langsung”

KESIMPULAN

Terjemahan yang baik ialah terjemahan yang tidak berbau sebagai teks terjemahan. Ciri teks terjemahan jelas kelihatan pada teks sasar kitab *Fiqh al-Sirah*. Pengaruh teks sumber jelas kelihatan pada beberapa teks khususnya yang telah dinyatakan dalam kajian ringkas ini.

Dari aspek pemilihan perkataan pengaruh teks sumber begitu kuat pada teks sasar. Ciri ini jelas kelihatan sehingga dapat dilihat antara teknik terjemahan yang sering digunapakai dalam beberapa contoh adalah teknik peminjaman (borrowing). Penilitian menunjukkan bahawa perkataan tersebut terdapat padanannya dalam bahasa Melayu oleh itu teknik ini tidak perlu diguna pakai. Namun penggunaan teknik ini pada perkataan yang tiada padanannya dalam bahasa sasar, seperti lafaz *qirat*, serta mampu memberikan maklumat kepada pembaca, oleh itu ia boleh diterima.

Dari sisi struktur ayat dalam teks sasar, pendekatan penterjemahan yang sering digunapakai oleh penterjemah ialah Terjemahan Langsung. Struktur ayat bahasa sumber seringkali dikekalkan dalam bahasa sasar. Terdapat beberapa contoh yang menunjukkan pendekatan Terjemahan Tidak Langsung turut digunapakai, namun ia bukanlah pendekatan utama penterjemah. Penggunaan terjemahan Tidak Langsung dalam beberapa contoh menunjukkan kebebasan terjemahan yang jelas hingga tidak terikat sama sekali dengan teks sasar sedangkan teks sumber perlu menjadi kerangka asas bagi mana-mana proses penterjemahan.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi gaya hasil penterjemahan buku ini, antaranya:

- 1- Tempoh terjemahan. Buku ini telah diterjemahkan hampir 40 tahun lalu. Sudah pasti terdapat hasil terjemahan (khususnya kosakata dan laras bahasa) yang berbeza penggunaannya berbanding penggunaan semasa.
- 2- Keunikan gaya bahasa pengarang al-Syahid Dr Muhammad Sa'id Ramadan al-Bouti. Berdasarkan pengamatan kepada teks sumber jelas didapati.

Kitab ini perlu dimurnikan terjemahannya kerana keperluan dan kepentingannya. Jika dilihat kepada penggunaan kitab terjemahan ini adalah begitu tinggi sekali khususnya sebagai bahan pengajaran kuliah di Masjid dan di surau. Melihat kepada edisi ulang cetak juga menunjukkan kitab terjemahan ini mendapat sambutan yang begitu baik sekali di kalangan para pembaca. Sumbangan Ustaz Darus Sanawi dalam menterjemah kitab *Fiqh Sirah* ini amat besar sekali kepada masyarakat awam.

Rujukan

- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara: Khususnya di Tanah Melayu*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- Ahmad Sunawari Long. 2005. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2008. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Catford, J.C.1965. *A linguistic Theory of Translation*. London. Oxford University Press.
- Ibn Manzur, Ahmad bin Mukarram. 2003. *Lisan al-Arab*. Dar Sadir
- Ibrahim Zaki Khur Shid. 1985. *al-Tarjamah wa Mushkilatuha*. al-Hay'ah al-Misriyyah al 'Ammah lil kitab.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat(2015) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Majdi Ibrahim. 2009. *al-Tarjamah bayn al- 'Arabiyyah wa al-Malayuwiyyah: al-Nazariyah wa al-Mabadi'*. IIUM Press.
- Mohd Hilmi Abdullah. 2008. *Teori dan Kaedah Penterjemahan Arab Melayu*. Kota Bharu. Pustaka Hilmi.
- Mohd Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuria."Masalah dan Kesalahan-kesalahan Dalam Terjemahan". Dalam *Kesalahan Bahasa Dalam bahasa Malaysia* oleh Abdullah Hasan, Mashudi Kader dan Hasnah Ibrahim. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. 2008. Terj: Mohd Darus Sanawi 'Ali. *Fiqh al-Sirah*. Jilid 1. Selangor: Dewan Pustaka Fajar,.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, 1996, *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah ma'a Mujaz li Tarikh al-Khilafah al-Rasyidah*. Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr al-Mua'sir.
- Nida. E. A & Taber. C.R. 1982. *The Theory and Practice of Translation*. E.J. Brill: Leiden.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Razi, Muhammad bin Abu Bakr. 1999. *Mukhtar al-Sihhah*. Tahqiq: Yusof Sheikh Muhammad. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.